

PELANCARAN SAMBUTAN IHYA RAMADHAN JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN 2021/1442H

9 April 2021 | Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (JKSNS) telah mengadakan majlis Pelancaran Sambutan Ihya Ramadhan JKSNS pada hari ini. Majlis yang diadakan di Surau Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, Bandar Sri Sendayan ini bertujuan untuk meraikan kedatangan bulan Ramadhan yang akan tiba tidak lama lagi.

Majlis telah dimulakan dengan bacaan tahlil serta ucapan aluan daripada Ketua Hakim Syarie JKSNS YAA Dato' Abas bin Nordin yang seterusnya melancarkan sambutan Ihya Ramadhan yang akan diadakan sepanjang bulan Ramadhan ini.

Majlis yang dijalankan dengan kerjasama kelab kebajikan kakitangan serta Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) JKSNS ini juga turut menyediakan 'sampul Ramadhan' sebagai sumbangan kepada beberapa orang kakitangan yang telah ditimpa musibah sebagai tanda kasih sayang jabatan dalam meringankan beban mereka.

Sempena kedatangan bulan Ramadhan pada minggu hadapan, pihak jabatan telah menyusun beberapa program dalam usaha menghidupkan bulan yang mulia ini di kalangan kakitangan seperti tadarus al-Quran, tazkirah mingguan serta majlis berbuka puasa. Semoga pengisian yang dilakukan ini mampu menimbulkan nilai-nilai yang positif di dalam diri kakitangan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat di Negeri Sembilan.

GALERI





